

KEDUDUKAN TAUBAT DALAM PELAKSANAAN HUKUMAN DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM DAN KRISTIAN

Hajah Sri Rahayu binti Haji Dollah*

Prof. Madya Dr. Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali¹**

+60105062578/ +60166748553

Janah7676@gmail.com

ABSTRAK

Tuntutan bertaubat adalah di antara elemen utama dalam menjalani kehidupan beragama. Konsep taubat yang mencakupi aspek pengampunan, pengakuan dosa dan kembali kepada kebenaran menjadi keperluan masyarakat kontemporari yang semakin terancam dengan masalah sosial dan jenayah berleluasa. Justeru itu, agama Islam dan Kristian menggesa penganut-penganutnya yang melakukan kesalahan agar bertaubat dengan segera. Dalam pada itu kesedian bertaubat dalam kalangan Muslim dan Kristian telah memberi kesan terhadap kaedah dan tindakan pelaksanaan hukuman di dalam agama Islam dan Kristian. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis dan memahami kedudukan taubat dalam Islam dan Kristian serta hubungan signifikannya dalam sistem pelaksanaan hukum. Dapatan kajian ini akan menjelaskan prinsip Islam dan Kristian terhadap konsep taubat, peranannya, relevansi pengaplikasiannya dan jaminan keadilan serta keharmonian sejagat melalui kaedah perbandingan.

Katakunci: Taubat, pelaksanaan hukum, Islam, Kristian, jaminan keadilan.

* Hajah Sri Rahayu binti Haji Dollah adalah Pelajar PhD. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

** Prof. Madya Dr. Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali adalah Professor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

PENDAHULUAN

Taubat di dalam agama Islam dan Kristian merupakan elemen penting dalam menjalani kehidupan sebagai makhluk Tuhan. Memahami maksud taubat dengan makna yang tepat menjadi keperluan umat manusia sejagat. Ini kerana perkataan taubat dan perintah melakukannya selalu ditemukan di dalam kitab-kitab suci penganut agama Islam dan Kristian. Malahan perbuatan bertaubat merupakan aksi pertama yang direkodkan dalam al-Qur'an sebagai menangani kesilapan pertama manusia melalui perlakuan Adam alaihissalam dan Hawa. Manakala Alkitab menjadikan taubat sebagai jaminan keselamatan dan penghapusan dosa yang diwariskan Adam kepada manusia. Dalam pada itu, kedua-dua agama Islam dan Kristian mengakui peranan taubat dalam mendekatkan hubungan antara manusia dan Tuhan. Pengiktirafan ini membuka ruang kepada pengampunan dosa Tuhan terhadap hambaNya dan pelepas daripada beberapa tindakan hukum dan balasan yang telah diperuntukkan dalam perundangan Islam mahu pun undang-undang gereja Kristian bagi pelanggaran manusia terhadap perintah agama. Justeru dengan bertaubat, manusia dikurniakan keselamatan sama ada di dunia ataupun di dalam kehidupan akhirat kelak.

DEFINISI TAUBAT

Taubat menurut *Kamus Dewan* bermaksud rasa sesal akan dosa (perbuatan jahat) dan berazam tidak akan mengulanginya lagi. Taubat juga bererti kembali kepada Tuhan dengan meninggalkan perkara yang dilarang dan membuat apa-apa yang disuruh, atau berpindah agama kepada agama yang dianggap benar (Hajah Noresah Baharom, 2010:1616). Dalam kamus Inggeris pula, taubat diertikan dengan *repentance* atau *regret* juga membawa maksud yang sama (Joyce M. Hawkins, 2008:287). *Repentance* atau *repent* merupakan kata kerja dari bahasa Latin; *paenitere* membawa makna penyesalan dan merupakan upacara keagamaan yang membawa kepada perubahan tingkah laku seseorang, kemahuan, dan sikap, disertai dengan perasaan sedih dan penyesalan atas pelanggaran atau pencabulan pada masa lampau. Penyesalan ini mungkin saja diiringi dengan pengembalian sesuatu (Mircea Eliade, 1995:11/337).

TAUBAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN KRISTIAN

Etimologi taubat berasal daripada istilah bahasa Arab *al-Taubah* (التَّوْبَةُ) yang digunakan dalam bahasa Melayu dengan konotasi yang sama. Perkataan تَوْبَةٌ - يَتُوبُ - تَابَ dalam beberapa kamus Arab diertikan dengan pelbagai makna, di antaranya 'ada, rajā'a, dan anaba yang kesemuanya membawa maksud kembali atau *ruju'* (Ibn Zakaryya, Ahmad bin Faris, 2001:158). Maksud kembali dalam konteks taubat sama ada kembali kepada Allah daripada dosa, kembali kepada Allah sahaja, atau kembali mentaati selepas berbuat dosa, atau bermaksud kembali daripada dosa (Abādī, Fayrūz, t.t:1/40).

Pengkajian mengenai taubat meliputi pelbagai disiplin bidang ilmu. Pendefinisian taubat dari segi terminologi boleh dikembangkan kepada aliran ilmu berdasarkan ilmu wahyu yang menjadi sumber utama kepada ilmu-ilmu agama Islam khususnya. Al-Qur'ān dan al-Sunnah menjadi asas untuk memahami istilah taubat sehingga melahirkan pelbagai perbahasan dalam ilmu Tafsir, Hadis, Tasawwuf, ilmu Kalam dan ilmu Fiqh. Dalam terminologi Islam, kebanyakan ulama merumuskan taubat secara umumnya dengan erti meninggalkan dosa dalam segala bentuknya, menyesali dosa yang pernah dilakukan, dan bertekad untuk tidak melakukan dosa lagi (al-Nawawī, 1979:10-11; al-Qusyairī, t.t:254), Majoriti ulama Kalam pula cenderung membahagikan taubat kepada tiga kategori yang berikut:

- i. **Taubat**; iaitu kembali dari kejahatan kepada ketaatan kerana takut akan murka dan siksa Allah S.W.T.
- ii. **Inabah**; iaitu kembali dari yang baik kepada yang lebih baik kerana mengharap pahala, seperti dalam firmanNya Surah al-Qaf [50]:30-31.
- iii. **Aubah**, iaitu bertaubat bukan kerana takut siksaan dan tidak pula kerana mengharap tambahan pahala, tetapi kerana mengikuti perintah Allah S.W.T.

Pada sisi lain, taubat dalam konteks ilmu Fiqh merujuk kepada penyesalan dan pencabutan dosa maksiat yang dilakukan bukan kerana takut perbuatan maksiat itu mendatangkan mudarat terhadap badan atau harta pelakunya. Tetapi taubat ini disertai dengan azam untuk tidak melakukannya semula sekalipun berkemampuan melakukannya (Wizarat al-Awqaf al-Kuwaitiyyah, t.t: 11/615). Definisi ini secara umumnya tidak berbeza dengan pengertian taubat menurut ulama Tasawwuf iaitu kembali kepada Allah SWT. Mereka mengatakan bahawa pada taubat terkumpul tiga perkara, iaitu penyesalan atas dosa,

meninggalkannya pada masa sekarang, dan keazaman untuk meninggalkannya pada masa hadapan (Al-Kayyalī, 2011:85).

Tuntasnya taubat menurut perspektif Islam adalah kembali mentaati perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya melalui penyesalan yang ikhlas dan telus di atas segala perbuatan maksiatnya masa lampau dan perjanjian yang kukuh, mulus dan kudu kepada Allah untuk terus istiqamah di landasan yang benar dan lurus berdasarkan ajaran yang Allah wahyukan kepada Rasulullah s.a.w.

Perihal ini kurang direncami dalam ajaran Kristian. Perbincangan taubat ini lebih berkait dengan persoalan *original sin* dan pengorbanan Jesus Christ. Pun begitu, umumnya *Encyclopaedia of Religion* menggambarkannya sebagai: “*the act of the soul in breaking away from its past as a preliminary step to the work of ethical reform.*” Pengertian ini merangkumi semua sistem moral tanpa terbatas kepada Yahudi atau Kristian. Ini kerana kemampuan seseorang untuk bertaubat terletak kepada dirinya secara semulajadi sebagai seorang yang bermoral. Justeru seseorang mempunyai kuasa untuk bertindak dan mengambil keputusan untuk melakukan taubat. Walaubagaimanapun, ajaran Kristian telah mengembangkan idea pertaubatan ini sehingga menjadi salah satu kaedah yang mesti dilakukan untuk mencapai peringkat kerohanian. Percaya kepada ketuhanan dalam urusan dosa dan kebebasan berkehendak menjadikan taubat sebagai satu etika keagamaan (James Hasting, 1994: 10/731). Perihal ini dibincangkan dengan merujuk kepada pembaptisan yang melihat titik tolak peristiwa pensaliban Jesus Christ atas usahanya menghapuskan *original sin* agar kehidupan setiap penganut Kristian terjamin dan mendapat perlindungan tuhan di dalam kerajaan tuhan kelak adalah asas utama membersihkan spiritual dan perlakuan anggota masyarakat Kristian. Ia juga sekaligus merupakan simbol ketaatan dan keyakinan terhadap Jesus yang mengorbankan dirinya demi untuk masyarakat penganut Kristian keseluruhannya dengan perlindungan Tuhan Bapa dan bimbingan *Holy Spirit*. Perkara ini akan dibincangkan secara umum dalam makalah ini selanjutnya.

EPISTEMOLOGI TAUBAT DALAM DUNIA ISLAM DAN KRISTIAN

Taubat di dalam Islam merupakan suatu pengetahuan yang benar berlandaskan kepada ilmu yang bersifat yakin. Ianya berkembang dan lahir atas sumber naqliyyah (wahyu) tanpa mengabaikan elemen 'aqliyyah berasaskan penyuburan akal dan perkembangan pemikiran manusia (Basri bin Husin, 2009:186). Perkara ini sangat jelas dengan adanya perintah

bertaubat di dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah sebagai wahyu daripada Ilahi. Justeru kebenaran taubat dalam agama Islam adalah diyakini sifatnya. Bermula dengan sejarah taubat Nabi Adam a.s setelah terjatuh dalam ke dalam dosa melalui firman Allah S.W.T di dalam Surah al-Baqarah [2]:37 yang bermaksud:

Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya; Sesungguhnya Allah, Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.

Begitu juga perintah Allah agar bertaubat dalam Surah al-Tahrīm [66]:8 yang maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! bertaubatlah kamu kepada Allah dengan "taubat Nasūhā", mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai"

Perintah bertaubat dan galakan melakukannya juga banyak disebutkan di dalam *al-Sunnah* melalui hadis Nabi Muhammad s.a.w., di antaranya sebuah hadis sahih daripada Abū Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya:

"Demi Allah! Sesungguhnya aku bermohon keampunan kepada Allah S.W.T dan bertaubat kepada-Nya lebih tujuh puluh kali dalam sehari".(Hadis Riwayat al-Bukhārī, 6082).

Nabi Muhammad s.a.w adalah kekasih Allah dan bersifat ma'sum serta telah dijanjikan dengan keampunan dan syurga. Sungguh demikian, baginda tidak terlepas daripada amalan bertaubat, malah lebih banyak bertaubat daripada sekalian manusia. Ini kerana taubat di dalam Islam bukan semata-mata bersifat penyesalan kerana melakukan dosa, tetapi kerana takut terjatuh ke dalam dosa serta lambang kecintaan hamba kepada Khaliq.

Jauh berbeza dengan Kristian, taubat dijadikan sebagai salah satu pokok keyakinan yang dizahirkan dalam bentuk ritual keagamaan melalui pembaptisan. Ianya adalah ritual terhadap bayi-bayi Kristian atau para pemeluk baru Kristian dicelup tiga kali di dalam air untuk membersihkannya dari dosa-dosa. Menurut Abd Hamid Qadri, ritual ini dianggap sebagai medium bagi regenerasi dan kelahiran kembali. Pada saat pembaptisan berlangsung terhadap penganut Kristian, maka terjadi pembuangan semua beban dosa manusia dan membolehkannya memasuki dunia dan kehidupan baru (Qadri, 1999: 117). Sorotan terhadap sejarah Kristian mendapati tidak ada bukti ritual pembaptisan meluas pada abad pertama. Ritual ini hanya mula masuk ke dalam Kristian pada abad kedua tanpa ada pembuktian yang absah daripada Alkitab. Malahan teks yang sering dikemukakan berasal daripada Matius 28: 29 pada awalnya hanya berupa sisipan dalam Gospel Matius, dan bukan cantuman Alkitab.

Teks ini juga telah ditolak keasliannya dengan tegas oleh Adolf Harnack, sarjana Protestant yang terkenal. Dalam pada itu, Eusebius, uskup Kaisarea juga menegaskan teks yang dipakai sebagai bukti pembaptisan tidak wujud di dalam semua manuskrip tertua. Namun jelasnya baptis yang diamalkan di dalam Kristian merupakan lanjutan regenerasi ritual Pagan seperti Brahma, Persia, Mesir serta Yunani dan bukan berasal daripada ajaran Jesus (Qadri, 1999:118-122). Perkara ini menjelaskan ketidak absahan epistemologi taubat dalam agama Kristian kerana tidak bersandarkan bukti Alkitab atau pun bersumber daripada perintah tuhan. Sebaliknya, tuntutan taubat dalam Kristian adalah cetusan dari pemikiran manusia yang terbatas.

KEPENTINGAN TAUBAT DALAM AJARAN AGAMA

Syeikh Abdul Qadir al-Jilani menyatakan taubat itu intipati kepada setiap perubahan yang berlaku dalam diri manusia. Ini termasuk perubahan terhadap kuasa hawa nafsu serta kelakuan-kelakuan jahat. Seseorang yang sudah bertaubat, digesa untuk menumpukan perhatian kepada Allah S.W.T sebagai langkah pembersihan jiwanya.” (al-Jilani, 1968: 193) Sementara Imam al-Ghazali telah menyatakan dua sebab taubat itu penting dan wajib dilakukan. Pertama, agar manusia itu kembali taat; dan kedua, agar ibadat diterima oleh Allah S.W.T. Ini kerana taubat merupakan asas bagi penerimaan ibadat dan ibadat itu hanyalah umpama tambahan (al-Ghazali, 2011). Kaedah dua tokoh sufi ini akan membawa kita kepada pemahaman maksud sebenar taubat serta gagasan untuk menyegerakannya. Ini bererti taubat berperanan sebagai agen perubahan terhadap tindak-tanduk manusia serta cara berfikir. Apabila manusia mula bertaubat dengan maksud kembali dengan erti kata kembali yang sebenarnya kepada Allah S.W.T, bererti individu ini akan mula memperhitungkan semua tindakannya, sama ada daripada aspek spiritual mahu pun fizikal, minda dan emosi agar sesuai dengan kehendak dan perintah Allah S.W.T. Ketulusan dalam bertaubat juga akan memudahkan manusia tersebut meninggalkan semua kejahatan, keburukan, maksiat dan penganiayaan terhadap hak orang lain kerana menyedari ianya adalah perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T. Kesan daripada penghijrahan manusia dengan taubat ini sudah pasti akan menghasilkan penerimaan amalan dan kasih sayang Allah kepada diri manusia tersebut.

Menelusuri kisah taubat Ma'iz bin Malik dan seorang wanita dari desa Ghamid, suku Azdi, pada zaman Rasulullah s.a.w menggambarkan kehebatan taubat nasuha yang mampu memberi impak besar dalam pembentukan sahsiah beriman. Penyesalan atas perbuatan salah,

dan ketakutan akan kemurkaan Allah serta mendambakan penyucian diri yang sebenar telah menjadikan kedua-dua sahabat tersebut berani tampil membuat ikrar atau pengakuan atas jenayah zina yang dilakukan. Sungguhpun Islam menganjurkan hamba yang menutupi keaibannya, namun ketinggian martabat taubat telah membuat mereka menyerah diri kepada Nabi Muhammad s.a.w dan rela dihukum di dunia agar lepas daripada balasan di akhirat. Undang-undang Islam telah menetapkan hukuman zina berupa rejam sampai mati jika pelaku zina telah berkahwin, dan sebat 100 kali jika pesalah belum pernah berkahwin. Firman Allah Taala:

“Dan terhadap dua orang yang melakukan perbuatan keji di antara kamu, maka berilah hukuman kepada keduanya, kemudian jika keduanya bertaubat dan memperbaiki diri, maka biarkanlah mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.” (surah al- Nisa’ : 16)

Malangnya jiwa dan minda sedemikian tidak diperolehi lagi di dalam masyarakat kini lantaran istilah taubat yang benar disalah erti. Sebahagian menyangka taubat hanya perlu bagi mereka yang telah melakukan kesalahan dan dosa. Ada pula beranggapan taubat hanya akan membatasi pergerakan aktiviti di muka bumi. Terdapat juga segelintir masyarakat yang meringan-ringankan urusan taubat dengan berpendapat zikir dan wirid selepas solat sudah memadai dan memenuhi tuntutan bertaubat, sekalipun tidak difahami makna dan pengertiannya. Kesedaran yang tipis atau kejahilan yang nyata tentang realiti taubat ini telah menyebabkan banyak berlaku kemungkaran di muka bumi.

Dari sudut perspektif agama Kristian, taubat (dieja dengan tobat) merupakan salah satu sakramen gereja melalui proses pengakuan dan pengampunan dosa dari imam. Gereja Katholik mengajarkan kaedah bahawa dosa manusia selain dosa warisan dapat diampunkan oleh tuhan melalui para paderi sebagai wakil Jesus Christ di bumi. Kuasa pengampunan itu dinamakan *absolution* iaitu menyangkut pengampunan dosa-dosa dan dosa-dosa berat yang diperbuat sesudah dibaptis dan belum pernah menerima pengampunan. Sedang dosa-dosa ringan dapat diampuni Tuhan dengan cara lain; seperti penyambutan masyarakat atau berkat sakramen dan peninggalan-peninggalannya (Achmad Mubarak, 1985: 56). Seseorang yang sudah diampuni dosanya; telah tidak berdosa lagi; hal persamaannya dengan pertobatan.

Manakala dosa yang perlu diperakui oleh yang meminta keampunan ialah dosa-dosa perbuatan; pengakuannya dilakukan secara lisan dan dengan menyebut bentuk dan jenis dosa yang diperbuat. Pengakuan menjadi batal dengan sendirinya apabila tidak jujur dalam ungkapan pengakuan. Pengampunan diperolehi pada saat paderi memberi *absolution*, diikuti dengan perlakuan *penitence* sebagai penyesalan daripada individu yang mengaku dosa.

Menurut gereja, pemberi pengampunan itu bukan paderi peribadi, tetapi Yesus dengan perantaraan paderi. Dalam pada itu, gereja Katholik menekankan bahawa pengakuan dosa harus dilakukan, setidak-tidaknya sekali dalam setahun (Abujamin, 2009:575).

Menurut Verkuyl, kekuasaan menghapus dosa orang lain pada dasarnya terjadi di abad pertengahan sekitar tahun 1215M oleh konsili Lateran IV di Rom. Teori pengampunan dosa ini dimulai oleh ketua-ketua Gereja Rom dan telah melalui beberapa fasa perubahan. Bermula dengan pengampunan dosa penganut Katholik yang telah mati, dilanjutkan dengan usaha paderi menghapuskan dosa penganut yang hampir mati serta kemucak daripada itu tersebarnya bentuk pengampunan melalui tulisan di atas kertas bercetak dan dijual-beli sebagai jaminan penghapusan dosa dari paderi (Muchlas Masyhud, 1999: 208-210). Kehadiran surat atau kad pengampunan dosa ini tentu sahaja menjadi tarikan kepada golongan berada yang berkemampuan menebus dosa mereka yang dilakukan dengan bebas tanpa hentinya. Tindakan ini mengundang tentangan keras dari Martin Luteran sehingga menimbulkan pergeseran dalam gereja dan menjadi punca berlaku reformasi. Di samping itu keberanian gereja ini telah menyumbang kepada merebaknya kerosakan di dalam masyarakat Kristian serta penindasan yang meluas daripada golongan atasan terhadap golongan bawahan. Justeru pertembungan antara nafsu dan kehendak yang merajai jiwa manusia telah menjadikan masyarakat dunia hilang pertimbangan dan menjauhi agama.

Sebagai contoh, masalah sosial yang melanda setiap pejuru dunia ketika ini telah melampaui batas pemikiran akal dan kemanusiaan. Di antaranya perkataan malu telah terpadam daripada perbendaharaan kata manusia. Gejala khalwat, zina dan sumbang mahram giat berlaku tanpa mengira peringkat usia dan kedudukan. Pelacuran, penyalahgunaan dadah dan budaya hedonisme menempati peratus jenayah tertinggi. Malah kes pembunuhan, penderaan dan penganiayaan dalam kalangan ahli keluarga juga telah mencapai tahap menakutkan. Fenomena ini turut dihadapi oleh masyarakat Muslim. Kejayaan pengaruh dan budaya barat melalui gerakan sekular terhadap negara-negara Islam telah melumpuhkan peranan kerajaan Islam untuk menegakkan undang-undang Islam sebagai cara menangani kerosakan yang berlaku. Penindasan pemikiran melalui sistem pendidikan telah meracuni gaya berfikir masyarakat Muslim sehingga mengabaikan kewajiban untuk berpaksikan ajaran Islam melalui al-Qur'an dan al-Sunnah (Sa'duddin Al-Sayyid Shalih, 1996: 284-285). Paling ketara ketidakmampuan negara-negara Islam menegakkan kembali undang-undang Islam dalam hal hukum jenayah telah mengikis rasa takut terhadap balasan dan hukuman yang telah ditetapkan oleh Islam mengakibatkan kerosakan yang berpanjangan. Semua ini terjadi kerana manusia lupa dan tidak mahu bertaubat dengan kembali kepada aturan Allah.

Justeru, tindakan berani kerajaan Brunei Darussalam baru-baru ini di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengangkat tinggi perintah kanun hukuman jenayah Syari'ah untuk digazetkan bermula pada 16 Zulhijjah 1434/ 22 Oktober 2013, dan akan dikuatkuasakan pelaksanaannya enam bulan selepasnya secara berfasa merupakan peristiwa besar dalam sejarah negara khususnya dan dunia Islam amnya. Tindakan ini menggambarkan proses taubat yang dilakukan pemerintah negara Islam untuk kembali kepada Allah melalui pelaksanaan sistem peraturan yang diperintahkan oleh Allah S.W.T.

UNDANG-UNDANG ISLAM DAN KRISTIAN

Undang-undang merupakan satu sistem peraturan yang lazimnya digunapakai oleh sesebuah negara untuk diikuti oleh setiap anggota masyarakat. Perlanggaran peraturan boleh didhukum dan denda oleh pihak berautoriti seperti mahkamah atau polis. Justeru berbagai sistem perundangan digubal dalam urusan pentadbiran negara mahu pun peringkat dunia dengan tujuan menjaga keamanan ahli masyarakatnya dan di antaranya *Common Law*, undang-undang adat istiadat dan undang-undang agama.

Amalan sistem perundangan agama contohnya telah menjadikan agama sebagai dasar yang mengawal pentadbiran negara, seperti ajaran dalam Mitzvah yang didasarkan daripada agama Yahudi, atau yang paling dominan ajaran Syariah dalam perundangan Islam. Pada peringkat yang lebih kecil, masih terdapat kawasan di dunia ini yang mengamalkan undang-undang kanun yang diikuti penganut Katolik serta Anglikan dan satu sistem perundangan yang serupa diamalkan oleh Gereja Orthodox Timur. Tetapi, undang-undang kanun Kristian hari ini berkait dengan agama sahaja, berbanding Syariah yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia seperti harta, kontrak, hubungan perdagangan dan perlindungan ganti rugi serta undang-undang pentadbiran.

Ketika hayat Nabi Muhammad s.a.w, Syari'ah merupakan struktur undang-undang Islam yang telah sempurna bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Sumber-sumber lain dalam perundangan Islam seperti Ijma' dan Qias serta Istihsan, Istislah dan 'Urf hanya mula diperkenalkan dan dibentuk daripada pendapat fuqaha seperti Imam Abu Hanifah, Malik dan Syafie serta ulama' selepas mereka iaitu kira-kira satu abad setelah kewafatan baginda nabi s.a.w. Keautoritiannya adalah selepas al-Qur'an dan al-Sunnah serta mesti tertakluk kepada Syari'ah dan terbuka kepada pertimbangan semula oleh semua individu Muslim. Kenyataan

ini sebagai menolak dakwaan segelintir sarjana Barat seperti Profesor Schacht dalam artikelnya *Pre-Islamic Background and Early Development of Jurisprudence* bahawa undang-undang Islam bermula pada lebih kurang tahun 100 selepas Hijrah, iaitu jauh setelah munculnya pembentukan masyarakat Islam oleh Nabi Muhamad s.a.w. Penegasan Profesor Gib lebih cenderung Islamik apabila merincikan tempoh 100 tahun Hijrah itu adalah proses pembentukan undang-undang Islam oleh unsur-unsur luar berikutan perkembangan aliran perundangan seperti kanun Yunani dan undang-undang kanun di Eropah. Beliau turut mengakui keunggulan undang-undang Syari'ah yang tetap kekal berkuasa, padu dan menyeluruh sifatnya dalam penyatuan kebudayaan Islam (Said Ramadan, 1990: 7-11). Justeru difahami, hasil perundangan Islam yang datang selepas Nabi Muhammad s.a.w hanya sebagai membantu untuk mengesahkan kesahihan dan penggunaan teks Syari'ah dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, yang sentiasa menjadi asas dan sumber tunggal kuasa undang-undang. Dalam pada itu, kedudukan khalifah atau pemerintah umat manusia dalam Islam terletak di bawah bidang kuasa undang-undang dan bukan di tangan khalifah semata-mata sehingga tidak memberikannya autoriti untuk mengubah atau meminda apa-apa yang telah Allah tentukan ((Said Ramadan, 1990: 30).

Prinsip ini jauh berbeza daripada fahaman teokrasi dalam agama Kristian yang pada mulanya memberi kuasa mandat kepada golongan ketua agama atau ahli gereja sebagai wakil pihak tuhan dalam menggubal undang-undang Kristian di samping menghukum dan mentadbir semua urusan penganutnya. Sebelum itu, pembatalan amalan perundangan yang terdapat dalam kitab Taurat telah berlaku impak penolakan penganut Kristian terhadap seruan Paul dalam mengenalkan doktrin Kristian. Keadaan semakin genting apabila fahaman sekular berkembang yang mengakibatkan kuasa teokrasi ini menjadi terbatas kepada soal-soal agama sahaja dan menyerahkan semua urusan kehidupan lainnya di bawah kawalan undang-undang sivil atau pemerintah negara untuk menyelesaikannya (FrancoisFacchini, 2010:114). Implikasi daripadanya telah menjadikan agama Kristian menjadi agama doktrin semata-mata, dengan meyakini bahawa Jesuslah tuhan yang menyelamatkan manusia daripada segala dosa. Ketika agama Kristian tersebar dan dapat diterima oleh sebahagian penganut agama lain seperti masyarakat Rom penyembah berhala dan pengamal Paganisme; mereka mempraktikkan ajaran Kristian ini terbatas hanya kepada sudut spiritual sahaja dan terus mengekalkan undang-undang agama dan kepercayaan tradisi asal mereka (Salih, Sa'adduddin Al Sayyid, t.t: 245).

Justeru, agama Kristian hanya dianggap agama doktrin semata-mata tanpa syariat dan agama tanpa daulah yang memberi pemaknaan bahawa tidak wujud sistem politik dan

ekonomi dalam agama. Sebaliknya ia lebih berbentuk seruan ke arah pembersihan spiritual sahaja. Penganutnya mempraktikkan apa sahaja yang mereka ingini. Pendapat ini disokong oleh Mawman seorang ahli fikir barat dalam bukunya “Risalah-risalah Tentang Agama” (رسائل عن الدين) dengan ulasannya: “Ketika agama Kristian menjelma ia tidak pernah mengambil berat berhubung pembentukan daulah (negara), mengambil peduli tentang syariat, dan perihal serta keadaan yang dihadapi oleh masyarakat. Hasilnya sama ada manusia mencampakkan diri mereka antara berhala kesia-siaan atau berpegang kepada sistem politik di samping doktrin keagamaan (Salih, Sa’adduddin Al Sayyid, t.t: 246). Justeru, agama Kristian tidak memiliki sebuah sistem kanun perundangan yang mencakupi segala urusan kehidupan sehingga gagal menyediakan peraturan yang lengkap meliputi spiritual dan material.

KEDUDUKAN TAUBAT DALAM PELAKSANAAN HUKUMAN

Islam telah mengangkat manusia ke tempat yang mulia berbanding makhluk lain melalui perlantikan manusia sebagai khalifah di bumi untuk tujuan memakmurkannya. Dalam pada itu, Islam melalui undang-undangnya juga telah menggariskan hak asasi manusia bagi menjamin kelangsungan hidup sejagat. Pemeliharaan lima elemen penting mencakupi keperluan asasi; keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta adalah aset bagi membantu manusia menunaikan amanah Allah S.W.T serta merealisasi tujuan penciptaannya (Mustafa al-Khin, 2011: 5/172). Setiap pelanggaran terhadap hak asasi akan dituntut melalui tindakan hukum kanun dalam perundangan Islam bagi menjamin keadilan. Justeru, pengabaian mengimplementasi undang-undang tersebut bermakna menempa kegagalan dalam sistem keamanan Ilahi yang pasti akan mencetuskan natijah buruk terhadap kehidupan umat manusia di alam jagat dan seterusnya di alam akhirat.

Dalam merincikan undang-undang Islam berlandaskan Syari’at, serta pelaksanaan hukuman terhadap salah laku *mukallaf*, para fuqaha telah membahagikan hak berkaitan manusia kepada dua kategori iaitu hak Allah semata-mata dan hak individu semata-mata. Perbuatan salah yang menyangkut hak Allah mungkin boleh digugurkan hukumannya dengan taubat. Sementara perbuatan salah yang menyangkut hak individu tidak boleh digugurkan dengan taubat, sebaliknya perlu menuntut pengampunan telus daripada individu terbabit. Dengan kata lain, kedua-dua hak Allah dan individu ini boleh berubah bentuk

pelaksanaan hukumnya apabila wujud elemen taubat dalam diri pelaku kesalahan atau pun *ihsan* sesama manusia.

Di sini, Wahbah al-Zuhayli telah menjelaskan kerencaman pendapat mazhab-mazhab fiqh di dalam perundangan Islam berkenaan perbuatan-perbuatan dosa besar dan kecil serta akibat-akibatnya berupa hukuman dan pembalasan dalam bentuk hudud, ta'zir dan qisas. Pada sisi yang sama, beliau telah membahaskan peranan taubat, kedudukan dan impaknya terhadap pesalah atau pelaku jenayah (Wahbah al-Zuhayli, 1989: 6/170-1175). Di antaranya ketetapan hukum hudud bagi jenayah yang melibatkan hak Allah atau hak individu seperti zina dan tuduhan zina, minum arak, mencuri, murtad, merompak dan memberontak. Kadar hukumannya adalah mandatori berupa rejam atau sebatan, atau potong tangan, atau potong kaki dan tangan, atau dibunuh dan tertakluk kepada bentuk jenayah yang telah disabitkan.

Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah ayat 229 yang maksudnya:

"Dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah individu-individu yang zalim"

Hukuman ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda sama ada dikurang atau ditambah, kecuali dalam keadaan tertentu menurut kanun undang-undang Islam seperti hukum hudud meninggalkan solat dan murtad yang boleh terbatal hukumnya kerana taubat. Di antaranya, dalam kes jenayah murtad iaitu keluar dari agama Islam atau membatalkan aqidahnya dengan perbuatan, perkataan atau iktiqad [keyakinan]. Jika sabit kes dan individu tersebut enggan bertaubat dan kembali kepada Islam dalam tempoh yang ditetapkan oleh syara', maka hukumannya adalah bunuh. Hadis Rasulullah saw yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a:

"Sesiapa yang menukar / meninggalkan agamanya maka bunuhlah ia."

Bagaimanapun, hukuman ini hanya dikenakan bagi mereka yang sudah baligh dan berakal melalui pengakuan pesalah sendiri atau saksi yang sah, serta telah diminta bertaubat sebelumnya. Jika telah disahkan murtad, tindakan hukum jenayah akan diambil implikasi keengganan bertaubat seperti penahanan harta, terbatal semua urusan dan akad sivil, gugur hak waris dan mewarisi serta tergantung akad nikah hingga membawa kepada terbatal perkahwinan jika melebihi tempoh 'iddah. Manakala impak daripada hukuman mati ke atas murtad ialah haram dimandi, dikafan, disembahyang dan dikebumikan di tanah perkuburan orang Islam di samping terputus hak kesemua saudaranya daripada mewarisi pusakanya (Mustafa al-Khin, 2011 : 5/261-268).

Pada zaman awal gereja Kristian pula, murtad di anggap sebagai jenayah yang paling besar tanpa mengira sama ada perbuatan murtad tersebut disebabkan oleh kehendak sendiri,

tekanan dan ancaman pihak yang berkuasa (Neemettin Kizilkaye, 2013: 54). St.Thomas Aquinas (1989:343) menyifatkan murtad sebagai “berpaling daripada Tuhan dengan mengingkari keimanan atau *faith*”. Dalam erti kata yang lain, kesalahan murtad berupa tindakan berpaling dengan sengaja, atau pemberontakan menentang kebenaran agama Kristian serta penolakan Jesus oleh penganut Kristian. Jenayah ini tidak dapat dimaafkan dan tiada ruang taubat bagi golongan ini sepertimana juga zina dan membunuh yang digariskan sebagai jenayah besar (B.J. Oropeza, 2000). Namun hukuman ini mengalami perubahan seiring peredaran zaman, apabila orang murtad mula diperbolehkan bergaul dalam komunitinya dan diterima taubat mereka tanpa perlu menjalani semula upacara pembaptisan. Dengan taubat juga, mereka boleh menerima waris dan diwarisi (Neemettin Kizilkaye, 2013: 55). Bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam bentuk hukuman yang dikenakan kepada pesalah yang bertaubat mengikut taraf kedudukannya sebagai paderi atau bukan paderi. Seorang paderi yang mengingkari kepaderian akan hilang status kepaderiannya dan hanya diterima sebagai orang awam apabila dia bertaubat (Jan A.B. Jongeneel; 2005: 182). Manakala kalangan orang awam yang murtad dan mahu bertaubat, Basil *the Gret's canon 73* menyatakan keharusan kepada mereka bertaubat dan berdukacita sepanjang hidupnya di samping akan diterima semula dalam kumpulan suci ini beberapa ketika sebelum kematiannya. Sebaliknya, jika mereka enggan bertaubat, mereka akan diusir atau dikucilkan daripada gereja selain menderita kehilangan hidup kekal di alam lain. (B.J. Oropeza, 2000). Dari segi hukuman pula, selain harta milik disita, orang murtad juga boleh dibuang negeri atau dibunuh. (Jan A.B. Jongeneel; 2005:182). Namun, undang-undang ini tidak sepenuhnya diikuti dan dijalankan dalam era pertengahan sepertimana di England yang pada lazimnya akan menyerahkan orang murtad kepada penguasa sivil untuk didenda atau dibunuh jika enggan bertaubat(B.J. Oropeza, 2000: 12).

Fenomena yang hampir sama berlaku di negara-negara Islam sedunia masa kini. Perundangan Islam yang sedia lengkap tidak diadaptasi sepenuhnya dalam pentadbiran sesebuah negara. Malaysia contohnya sebagai sebuah negara Islam tidak mempunyai undang-undang yang jelas mengenai peruntukan kesalahan murtad dan hukumannya. Ini kerana undang-undang jenayah Islam yang boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia hanyalah merangkumi hukuman maksima 3 tahun penjara atau 6 sebatan atau RM5000 denda atau kombinasi mana-mana hukuman. Bidang kuasa jenayahnya adalah terhad dan diperuntukan pelaksanaannya untuk orang Islam sahaja (Zulkifli Hasan, 2007:5).

PERBANDINGAN ISLAM DAN KRISTIAN

Kajian terhadap konsep taubat dalam Islam dan Kristian ini memberi pemahaman tentang pengaruh taubat ini dalam sistem pelaksanaan hukuman kedua-dua agama. Perbandingan menjadi jelas apabila faktor-faktor persamaan dan perbezaan diteliti dan dianalisa. Justeru beberapa perkara telah dikenalpasti melalui perbandingan tersebut.

Pendefinisian taubat dalam Islam dan Kristian sebagai penyesalan adalah sama sekalipun epistemologi berbeza, kerana taubat dalam Islam berasal daripada bahasa Arab bersumberkan al-Quran dan Sunnah sebagai wahyu ilahi yang menjadi asas pengetahuan di samping ilmu akal. Justeru terminologi taubat juga digunakan dalam pelbagai ilmu seperti fiqah, ilmu kalam dan tasawwuf. Sebaliknya taubat yang difahami Kristian datang dari bahasa Latin *paenitere* dan meliputi aspek moral dan etika sebelum diijadikan sebagai kaedah keagamaan dan menjadi simbol keyakinan terhadap Jesus yang dianggap Tuhan. Justeru pokok keyakinan agama Kristian dizahirkan dalam bentuk ritual keagamaan melalui pembaptisan yang bukan berasal daripada Tuhan dan Alkitab tetapi saduran agama-agama pagan terdahulu yang teretus daripada pemikiran manusia.

Meninjau sudut kepentingan mendapati taubat dalam Islam adalah intipati dan agen kepada setiap perubahan diri manusia luaran mahu pun dalaman. Justeru, taubat menjadi wajib dan perlu disegerakan agar manusia sentiasa kembali taat, dan konsekuensi daripadanya adalah penerimaan Allah atas semua ibadat yang dilakukan hasil hubungan langsung manusia dengan Tuhan Maha Berkuasa. Elemen ini tidak terdapat di dalam Kristian kerana taubat yang dilakukan sebagai proses pengampunan dosa melalui pengakuan hanya terjadi di antara sesama manusia iaitu paderi atau ketua gereja dan pelaku dosa serta masyarakat sekeliling tanpa wujud hubungan hakiki antara manusia dengan tuhan.

Dalam aspek undang-undang dan pelaksanaan hukum, taubat dalam agama Islam dan Kristian memberi impak yang besar terhadap diri penganutnya. Kesempurnaan perundangan Islam yang datang dari Allah sebagai autoriti mutlak menerusi al-Quran dan sunnah yang juga dicernakan melalui cetusan pendapat ulama Islam telah mewujudkan sistem undang-undang yang lengkap, adil dan mapan dalam memelihara hak asasi manusia. Justeru pelanggaran terhadap setiap hukum dan permasalahan menuntut pembalasan dan hukuman yang seksama bagi menjamin keadilan sejagat. Namun dalam masa yang sama, kehebatan taubat mampu mengimbangi ketetapan hukuman yang sedia ada sehingga melepaskan manusia daripada beberapa ketegasan hukuman Islam seperti hudud meninggalkan solat dan jenayah murtad atas dasar kasih dan rahmat Allah kepada hambanya. Dalam hal ini,

sekalipun Kristian juga menjadikan taubat sebagai salah satu elemen yang boleh membatalkan tindakan hukuman yang ditetapkan oleh gereja, tetapi ketetapan itu tidak menyeluruh kepada semua golongan manusia yang bersalah sebagaimana ianya tidak mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Justeru undang-undang Kristian adalah terbatas dalam urusan agama sahaja di bawah penguasaan ahli gereja, sedangkan kebutuhan lain memerlukan campurtangan sistem penguasaan sivil di luar gereja.

PENUTUP

Ketetapan hukum digubal bertujuan melindungi masyarakat daripada bahaya jenayah dan pencegahan sebelum berlaku. Kepatuhan menjalankan undang-undang ini juga akan dapat memperbaiki penjenayah dan memperbetulkan penyelewengan kuasa daripada berleluasa. Lebih daripada itu, pelaksanaan hukuman ini sebagai satu kaedah pembersihan dosa pelaku kesalahan dan penjenayah, mendidiknya dan menyelamatkannya daripada azab di akhirat ini. Bagaimanapun, keterbatasan undang-undang dalam ugama Kristian dalam aspek keagamaan sahaja tidak memungkinkannya memelihara manusia itu dalam semua segi. Justeru Islam dan relevansi perundangannya jika diimplementasi dalam pola kehidupan manusia waktu kini yang banyak disaluti jenayah dan kerosakan, diyakini akan mampu membendung permasalahan manusia melalui jaminan keadilan yang disediakan bagi memelihara hak manusia, mempertahankan keamanan dunia dan menyediakan bentuk kehidupan yang harmoni. Semua ini tidak dapat diperolehi di dalam mana-mana pun perundangan yang digubal oleh manusia seperti undang-undang gereja kerana ketidakmampuannya menjaga dan mempertahankan hak individu dan masyarakat sepenuhnya.

REFERENCE

1. Al- Jilani, ‘Abdul Qadir, *al-Fath al-Rabbani wa al-Faidh al-Rahmani*. Misr: Maktabah al-Mustafa al-Bab al-Halabi, 1968.
2. Al-Bukhārī, *Sahīh Al-Bukhārī*, Kitāb al-Da’awāt, Bab Istighfār al-Nabi s.a.w, Kitab Doa-doa, Bab istighfar Nabi S.A.W, 6082.
3. Al-Ghazali, *Minhaj Abidin*. Zakaria Adham (terj.), Selangor: Victory Agencie, 2011
4. Al-Kayyalī, ‘Asim Ibrahīm, *al-Qamus al-Sufī*, Lebanon: Books Publisher, 2011.

5. Al-Khin, Mustafa; al-Bugho, Mustafa & al-Syarbaji, Ali, *al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafie*, Zulkifli bin Mohamad al-Bakri & rakan-rakan (terj.), Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011.
6. Al-Nawawī, Riyādh al-Sālihīn, Beirut: Al-Maktabah al-Islāmiyyat, 1979.
7. Al-Zuhayli, Wahbah, *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhu*, Cet.3, Damsyik: Dar al-Fikr, 1989.
8. Aquinas, St. Thomas, *Summa Theologiae*, Ed.Timothy McDermott, Texas: Christian Classics, 1989.
9. Eliade, Mircea (ed.), *The Encyclopedia of Religion*, USA: Macmillan Library Reference, 1995.
10. Facchini, Francois, “Religion, law and development: Islam and Christianity-Why is it in Occident and not in the Orient that man invented the institutions of freedom?”, *European Journal of Law and Economics*, 29 2010.
11. Fayrūz Abādī, *al-Qāmūs al-Muḥīt*, Damsyik: Maktaba al-Nūrī, t.t.
12. Hajah Noresah Baharom (ed.), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
13. Hasting, James, *Encyclopaedia of Religion and Ethics*, Scotland: T&T Clark Edinburgh, 1994.
14. Husin, Basri, *Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-Sumber Ilmu Dalam Tradisi Islam*, *Jurnal Usuluddin* 30 , September 2009.
15. Ibn Zakaryya, Ahmad bin Faris, *Mu‘jam Maqayyis al-Lughah* , Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabī, 2001.
16. Jongeneel, Jan A.B., “Apostasy” dalam *Fullness of Life for All: Challenges for Mission in Early 21st Century*, Inus Daneel, Charles Van Engen and Hendrik Vroom, Amsterdam: Rodopi B.V, 2005.
17. Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Ed4, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2008.
18. Kizikaye, Neemettin “Apostasy a Matter of Islamic International Law” dalam *Islam and International Law: Engaging Self-Centrism From Plurality of Perspective*, Marie Luisa, Andrews The Muller, Koninklijke Brill NV, Leidan, The Netherland, 2013, 54
19. Masyhud, Muchlas, *Al-Qur’an Berbicara Tentang Kristen*, t.tp: Pustaka Da’i, 1999.
20. Mubarok, Achmad, *Perbandingan Agama Islam dan Kristen: Studi Tentang Sakramen Gereja*, Bandung: Penerbit Pustaka, 1985.

21. Oropeza, B.J., *Paul and Apostasy: Eschatology, Perseverance and falling away in the Corinthian Congregation*, Tubingen: Mohr Siebeck, 2000).
22. Qadri, Abdul Hamid, *Dimensi Keimanan Kristen*, Masyhur Abadi (terj.), t.tp: Pustaka Da'i, 1999.
23. Ramadan, Said, *Undang-Undang Islam: Skop dan Ekuiti*, Abdul Halim Abdullah & Jamilah Abdul Rauf (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
24. Roham, Abujamin, *Ensiklopedi Lintas Agama*, Jakarta: Emerald, 2009.
25. Sa'duddin Al-Sayyid, Shalih, *Strategi Musuh Menentang Islam, Motivasi Kesedaran Minda Ummah*, Ustaz Basri Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1996.
26. Zulkifli Hasan, Norfadhilah Mohd Ali, *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia*, Malaysia: Universiti Sains Malaysia, 2007.